



KAWALAN INFRASTRUKTUR RANGKAIAN

Infrastruktur Rangkaian mestilah dikawal dan diuruskan sebaik mungkin demi melindungi ancaman kepada sistem dan aplikasi di dalam rangkaian. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- A** Tanggungjawab atau kerja-kerja operasi rangkaian dan komputer hendaklah diasingkan untuk mengurangkan capaian dan pengubahsuaian yang tidak dibenarkan.
- B** Peralatan rangkaian hendaklah diletakkan di lokasi yang mempunyai ciri-ciri fizikal yang kukuh dan bebas dari risiko seperti banjir, gegaran dan habuk.
- C** Capaian kepada peralatan rangkaian hendaklah dikawal dan terhad kepada pengguna yang dibenarkan sahaja.
- D** Semua peralatan mestilah melalui proses Factory Acceptance Check (FAC) semasa pemasangan dan konfigurasi.
- E** Firewall hendaklah dipasang serta dikonfigurasi dan diselia oleh Pengurus ICT.
- F** Semua trafik keluar dan masuk hendaklah melalui firewall di bawah kawalan rangkaian MBDK.
- G** Semua perisian sniffer atau network analyser adalah dilarang dipasang pada komputer pengguna kecuali mendapat kebenaran ICTSO.
- H** Memasang perisian Intrusion Prevention System (IPS) bagi mengesan sebarang cubaan mencerooboh dan aktiviti-aktiviti lain yang boleh mengancam sistem dan maklumat MBDK.
- I** Memasang Web Content Filtering pada Internet Gateway untuk menyekat aktiviti yang dilarang.
- J** Sebarang penyambungan rangkaian yang bukan di bawah kawalan MBDK adalah tidak dibenarkan.
- K** Semua pengguna hanya dibenarkan menggunakan rangkaian MBDK sahaja dan penggunaan modem adalah dilarang samasekali dan Kemudahan bagi wireless LAN perlu dipastikan kawalan keselamatan.

Sumber : Dasar Keselamatan ICT MBDK Versi 4.2

